
	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 1/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026

## 1.0 TUJUAN


Garis Panduan ini bertujuan menerangkan kepada pelajar pascasiswazah UPM tentang tanggungjawab pelajar sepanjang tempoh pengajian yang merangkumi Panduan Permohonan Bantuan Kewangan, Pengesahan Penajaan, Pendaftaran Pelajar Baharu, Pendaftaran Kursus (Daftar, Lewat Daftar, Tambah, Gugur dan Pertukaran Status Kursus), Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus, Pertukaran Program Pengajian (termasuk Program Kerjasama Antarabangsa dan Program Secara Industri), Pertukaran PTJ dan/atau Bidang Pengajian (bagi Program Secara Penyelidikan), Penamaan dan Penamaan Semula Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar bagi Program Secara Penyelidikan, Permohonan Naik Taraf Pengajian daripada Program Master kepada PhD dan Turun Taraf Pengajian daripada Program PhD kepada Master, Penangguhan Pengajian, Tarik Diri Pengajian, Pelanjutan Tempoh Pengajian, Pertukaran Status Pengajian Gugur (*Dropped*), Penyambungan Semula Status Pengajian daripada Gugur (*Dropped*) kepada 'Baik' (*Continue*), Pertukaran Mod Pengajian dari Sepenuh Masa kepada Separuh Masa (Pelajar Tempatan), Penilaian dan Peperiksaan, Peperiksaan Semula, Semakan Gred Kursus, Mengulang Semester bagi Pelajar Program Secara Kerja Kursus, Semakan ke atas Pemberhentian, Penghantaran Notis Penyerahan Tesis, Penyerahan Tesis untuk Peperiksaan Akhir (*Viva Voce*), Peperiksaan Akhir (*Viva Voce*), Penyerahan Semula Tesis untuk Peperiksaan Akhir (*Viva Voce*), Penyerahan Tesis Selepas Peperiksaan Akhir (*Viva Voce*), Penghantaran Tesis Akhir Berjilid Keras (*Hardbound*), Pengesahan Bergraduat, Peminjaman dan Pemulangan Jubah Akademik, Menghadiri Majlis Konvokesyen dan Permohonan Hadiah Universiti.

## 2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

BKW	: Basiswa Khas Wartawan
BYSC	: Bantuan Yuran Siswazah Cemerlang
CALC	: Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
Calon Pelajar	: Calon pelajar yang belum menerima nombor matrik
CE	: Peperiksaan Komprehensif ( <i>Comprehensive Examination</i> )
CIEP	: <i>Certified Intensive English Programme</i> di ELS
CV	: <i>Curriculum Vitae</i>
Dekan	: Dekan Fakulti/Sekolah
ED	: <i>Exceeded Duration</i>
ELS	: <i>English Language Skill Language Centre</i>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 2/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


ERA	: <i>Educational Research Abstracts</i>
eSMP	: Sistem Maklumat Pelajar
GB	: Gagal dan Diberhentikan
GRA	: <i>Graduate Research Assistance</i>
GRF	: <i>Graduate Research Fellowship</i>
GTA	: <i>Graduate Teaching Assistant</i>
HSAAS	: Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
Hutang	: Termasuk yuran, penalti, kenaaan denda atau apa-apa bayaran yang perlu dijelaskan kepada UPM
iBT	: <i>Internet Based Test</i>
ICP	: Program Kerjasama Antarabangsa ( <i>International Collaborative Programme</i> )
IELTS	: <i>International English Language Testing System</i>
i-GIMS	: <i>Internet Graduate Information Management System</i>
IGSS	: <i>International Graduate Student Scholarship</i>
i-PUTRA	: Pusat Antarabangsa
JCR	: <i>Journal Citation Reports</i>
JKP	: Jawatankuasa Penyeliaan
JKPBKPS	: Jawatankuasa Pemilih Bantuan Kewangan Pengajian Siswazah
JKPSU	: Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti
JKSS	: Jawatankuasa Semakan Siswazah
MAPIM	: Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
NG	: Program Tanpa Ijazah ( <i>Non Graduating</i> )
PASS	: <i>Putra Alumni Scholarship Scheme</i>
PDF	: <i>Portable Document Format</i>
Pelajar Baharu	: Pelajar Semester Pertama
Pelajar Sambungan	: Pelajar Semester Kedua dan berikutnya
PIBK	: Unit Perhubungan Institusi dan Bantuan Kewangan, Sekolah Pengajian Siswazah
PIE 1	: <i>Postgraduate Intensive English 1</i> di CALC
PIE 2	: <i>Postgraduate Intensive English 2</i> di CALC
PKU	: Pusat Kesihatan Universiti
PNGK	: Purata Nilai Gred Keseluruhan
PSI	: Program Secara Industri
PSKK	: Program Secara Kerja Kursus
PTE	: <i>Pearson Test of English</i>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 3/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


PTJ	: Pusat Tanggungjawab iaitu merangkumi Fakulti/Sekolah/Institut
PYB	: Pegawai Yang Bertanggungjawab
SPS	: Sekolah Pengajian Siswazah
SPS5903	: Seminar ( <i>Research Proposal</i> ) - Master
SPS5999	: <i>Master's Research</i>
SPS6903	: Seminar ( <i>Research Proposal</i> ) - Doctoral
SPS6999	: <i>Doctoral Research</i>
TD	: Timbalan Dekan (Siswazah) Fakulti/Sekolah
TNCAA	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
TOEFL	: <i>Test of English as a Foreign Language</i>
TP	: Timbalan Pengarah Institut (yang memegang portfolio pascasiswazah)
UA	: Unit Akademik, Sekolah Pengajian Siswazah
UBK	: Unit Bantuan Kewangan, Sekolah Pengajian Siswazah
UP	: Unit Pengambilan, Sekolah Pengajian Siswazah
UPI	: Unit Perhubungan Institusi, Sekolah Pengajian Siswazah
UPM	: Universiti Putra Malaysia
UPP	: Unit Pembangunan Pelajar, Sekolah Pengajian Siswazah
UT	: Unit Tesis, Sekolah Pengajian Siswazah
WOS	: <i>Web of Science</i>

### 3.0 PANDUAN


Bil	Tindakan
1.	<b>Persediaan Pelajar Baharu</b>
1.1	<b>Rujukan Utama Pengajian Pascasiswazah</b>  (i) Pelajar perlu merujuk dokumen berikut sepanjang tempoh pengajian: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) Peraturan 2003 (Semakan Terkini).</li> <li>(b) <i>Postgraduate Students Handbook</i> (edisi terkini).</li> <li>(c) <i>Postgraduate Candidature Checklist</i>.</li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 4/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>Pautan:  <a href="https://sgs.upm.edu.my/pelajar_semasa/postgraduate_candidature_checklist-12652">https://sgs.upm.edu.my/pelajar_semasa/postgraduate_candidature_checklist-12652</a>).</p>
<b>1.2</b>	<p><b>Pengemaskinian Maklumat Penajaan Luar dalam i-GIMS</b></p> <p>(i) Pelajar membuat permohonan pengemaskinian maklumat penajaan kepada PYB UBK SPS melalui emel <a href="mailto:sgs.financialaid@upm.edu.my">sgs.financialaid@upm.edu.my</a> dengan mengemukakan maklumat berikut:</p> <p>(a) Nama dan alamat penerima.  (b) Surat penajaan terkini (sekiranya maklumat berbeza dengan rekod semasa dalam i-GIMS).</p>
<b>1.3</b>	<p><b>Pengesahan Maklumat Penajaan</b></p> <p>(i) Pelajar membuat permohonan bagi mendapatkan pengesahan penajaan kepada PYB UBK melalui emel <a href="mailto:sgs.financialaid@upm.edu.my">sgs.financialaid@upm.edu.my</a>.</p>
<b>2.</b>	<p><b>Pengurusan Bantuan Kewangan Pascasiswazah</b></p>
<b>2.1</b>	<p><b>Bantuan Kewangan GTA, PASS, IGSS, BKW dan BYSC</b></p> <p>(i) Pelajar membuat semakan tarikh iklan permohonan dan syarat kelayakan bantuan kewangan melalui laman web SPS. Permohonan akan dibuka sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum semester baharu bermula;</p> <p>(ii) Pelajar melengkapkan permohonan melalui portal pelajar mengikut tempoh yang ditetapkan oleh SPS;</p> <p>(iii) Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS mengikut tempoh yang ditetapkan oleh SPS;</p> <p>(iv) Pelajar yang ditawarkan bantuan kewangan membuat pengesahan penerimaan/penolakan mengikut tempoh yang ditetapkan;</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 5/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(v) Pelajar mencetak surat tawaran melalui portal pelajar; dan</li> <li>(vi) Bagi penerima GTA, pelajar menghadiri sesi taklimat yang dilaksanakan oleh SPS.</li> </ul>
<b>2.2</b>	<p><b>Bantuan Kewangan GRA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar membuat semakan kelayakan permohonan melalui laman web SPS dan menyemak ketersediaan geran Penasihat/Penyelia sebelum permohonan dikemukakan;</li> <li>(ii) Pelajar melengkapkan permohonan melalui portal portal pelajar sebelum 15 haribulan pada setiap bulan;</li> <li>(iii) Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS; dan</li> <li>(iv) Setelah permohonan diluluskan, pelajar akan menerima notifikasi secara automatik melalui i-GIMS dan pelajar boleh memuat turun surat tawaran melalui portal pelajar.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Permohonan GRA dibuka sepanjang tahun.</p>
<b>2.3</b>	<p><b>Agihan Pengajaran bagi Pelajar yang Menerima GTA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar yang menerima GTA melaksanakan aktiviti membantu dalam pengajaran dengan had maksimum empat (4) jam seminggu bagi pelajar Master dan enam (6) jam seminggu bagi pelajar PhD mengikut kursus yang ditetapkan oleh Ketua PTJ/TD/TP PTJ.</li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 6/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
2.4	<p><b>Bantuan Kewangan bagi Sangkutan Penyelidikan atau Pembentangan Antarabangsa</b></p> <p><b>(1) Permohonan Bantuan Kewangan</b></p> <p>(i) Pelajar merujuk syarat permohonan serta syarat kelayakan permohonan bantuan kewangan di laman web SPS. (Pautan: <a href="https://sgs.upm.edu.my/financial_assistance_scholarships-1893">https://sgs.upm.edu.my/financial_assistance_scholarships-1893</a>);</p> <p>(ii) Pelajar melengkapkan Borang Permohonan Bantuan Kewangan Menjalani Sangkutan Penyelidikan di Luar Negara (<u>PG/FAD/GS-42</u>) atau Borang Permohonan Bantuan Kewangan Menghadiri Pembentangan Antarabangsa (<u>PG/FAD/GS-48</u>) serta mendapatkan pengesahan daripada penyelia dan ketua/TD/TP PTJ;</p> <p>(iii) Pelajar mendapatkan tandatangan daripada Penasihat/Penyelia dan Ketua PTJ/TD/TP PTJ; dan</p> <p>(iv) Pelajar menghantar borang yang telah lengkap beserta dokumen sokongan ke UPI, SPS atau melalui salinan lembut ke emel <a href="mailto:sgs_intl.programme@upm.edu.my">sgs_intl.programme@upm.edu.my</a>.</p> <p><b>Nota:</b> Permohonan pelajar akan dipertimbangkan oleh JKPBKPS dan keputusan akan dimaklumkan kepada pelajar melalui emel.</p> <p><b>(2) Tuntutan Bayaran Bantuan Kewangan bagi Sangkutan Penyelidikan atau Pembentangan Antarabangsa</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan dan menghantar Borang Tuntutan Perjalanan dan Pelbagai untuk Pelajar (SOK/KEW/BR048/BYR) beserta dokumen sokongan kepada UPIBK SPS dalam tempoh (2) bulan selepas tamat program.</p> <p><b>Nota:</b> Borang SOK/KEW/BR048/BYR boleh diakses melalui laman web SPS.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 7/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
2.5	<p><b>Bayaran Bantuan Kewangan</b></p> <p>(i) Pelajar di bawah Skim GTA/GRA melengkapkan log aktiviti bulanan melalui i-GIMS selewat-lewatnya pada 2 haribulan bulan berikutnya bagi tujuan pemprosesan pembayaran elaun.</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>(a) Bayaran elaun bulanan akan dikreditkan ke akaun pelajar pada akhir bulan berikutnya (Contoh: Elaun bagi bulan Januari akan dibayar pada penghujung bulan Februari).</p> <p>(b) Bayaran elaun tidak akan dilaksanakan bagi pelajar yang berstatus Percubaan (Probation), Tangguh (<i>Defer</i>), Tarik Diri (<i>Withdraw</i>), Gagal dan Diberhentikan (<i>Terminated GB</i>).</p>
2.6	<p><b>Penahanan/Penamatan Bantuan Kewangan</b></p> <p><b>(1) Penahanan Bayaran Elaun GRA Disebabkan Baki Peruntukan Geran Tidak Mencukupi</b></p> <p>(i) Pelajar mendapatkan nasihat daripada Penasihat/Penyelia mengenai ketersediaan geran lain yang boleh digunakan bagi tujuan pembayaran elaun GRA; dan</p> <p>(ii) Pelajar mengemukakan permohonan baharu melalui portal pelajar.</p> <p><b>(2) Penamatan Bantuan Kewangan Disebabkan Pelajar Menerima Bantuan Kewangan/Tajaan Lain</b></p> <p>(i) Pelajar mengemukakan permohonan rasmi kepada SPS untuk membatalkan bantuan kewangan sedia ada sekiranya telah menerima bantuan kewangan atau tajaan lain melalui emel sgs.financialaid@upm.edu.my; dan</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 8/61
		No. Semakan: 02
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(ii) Pelajar membuat bayaran balik kepada Universiti (jika berkenaan), tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh SPS.</p>
<b>2.7</b>	<p><b>Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi GRF/GRA</b></p> <p>(i) Pelajar yang menerima GRF/GRA (skim terdahulu) perlu memenuhi semua keperluan seperti mana yang ditetapkan dalam perjanjian yang telah ditandatangani; dan</p> <p>(ii) Pelajar merujuk Garis Panduan Tindakan Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Fellowship Penyelidik Siswazah (GRF) (GP/FAD/S-01) sekiranya menerima notis pecah kontrak dan tuntutan gantirugi daripada universiti.</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>(a) Tindakan pecah kontrak ini hanya terpakai kepada pelajar yang terikat dengan perjanjian yang ditandatangani dengan UPM di bawah skim GRF/GRA terdahulu.</p> <p>(b) Garis Panduan berkaitan boleh diakses di laman web SPS.</p>
<b>3.</b>	<p><b>Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu dan Sambungan</b></p>
<b>3.1</b>	<p><b>Pendaftaran Kemasukan Pelajar Baharu</b></p> <p><b>(1) Pendaftaran melalui sistem PutraENROLL</b></p> <p>(i) Calon pelajar menyemak tarikh pendaftaran pelajar di laman web SPS melalui pautan: (<a href="https://sgs.upm.edu.my/new_students-3940">https://sgs.upm.edu.my/new_students-3940</a>).</p> <p>(ii) Calon pelajar log masuk ke Portal Pemohon (<i>Applicant Portal</i>) melalui pautan: (<a href="http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/">http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/</a>).</p> <p>(iii) Calon pelajar mengisi maklumat di PutraENROLL dalam tempoh yang ditetapkan dengan merujuk '<i>PutraENROLL User Manual</i>' melalui</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 9/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>pautan: (<a href="https://sgs.upm.edu.my/new_students-3940">https://sgs.upm.edu.my/new_students-3940</a>) dan mengemaskini permohonan di PutraENROLL sekiranya terdapat komen pembetulan oleh pihak pentadbir.</p> <p>(iv) Calon pelajar menerima nombor matrik melalui pemakluman di emel calon pelajar.</p> <p><b>(2) Pengaktifan UPM-ID</b></p> <p>(i) Pelajar mengaktifkan UPM-ID dengan merujuk pada 'Manual Pengguna (<i>User Manual</i>): Pengaktifan UPM-ID Pelajar dan Emel Pelajar (<i>Google Apps Academic</i>)' melalui pautan: <b><a href="https://upm-id.upm.edu.my/info/man_student.pdf">https://upm-id.upm.edu.my/info/man_student.pdf</a></b></p> <p><b>(3) Pengesahan Pendaftaran Pelajar Baharu</b></p> <p>(i) Pelajar log masuk ke Portal Pelajar dengan menggunakan nombor matrik dan kata laluan yang didaftarkan melalui pautan: <a href="http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/">http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/</a>;</p> <p>(ii) Pelajar mencetak '<i>Registration Checklist for New Student (Verification Purposes)</i>' dan memastikan semua bahagian disahkan oleh pihak berkaitan;</p> <p>(iii) Pelajar mendaftar kursus di Portal Pelajar;</p> <p>(iv) Pelajar antarabangsa membuat tempahan janji temu pemeriksaan kesihatan di PKU melalui Portal Pelajar manakala pelajar tempatan boleh membuat pemeriksaan kesihatan di mana-mana klinik kerajaan atau swasta;</p> <p>(v) Pelajar antarabangsa menghantar pasport dan slip pendaftaran kursus ke i-PUTRA selepas mendapat keputusan pemeriksaan kesihatan;</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 10/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan																			
	<p>(vi) Pelajar hadir ke Kaunter Pengambilan, SPS bagi tujuan pengesahan dengan membawa <i>'Registration Checklist for New Student (Verification Purposes)'</i> yang telah dilengkapkan dan dokumen yang disenaraikan di dalam senarai semak tersebut; dan</p> <p>(vii) Pelajar yang menerima tajaan perlu menghantar salinan lembut surat tawaran penajaan kepada Unit PIBK SPS melalui emel sgs.financialaid@upm.edu.my untuk dikemaskini dalam i-GIMS.</p>																			
<b>3.2</b>	<p><b>Pengemaskinian Status Pengajian daripada 'Bersyarat' (<i>Provisional</i>) kepada 'Baik' (<i>Continue</i>)</b></p> <p><b>(1) Status Bersyarat disebabkan tidak memenuhi keperluan Bahasa Inggeris</b></p> <p>(i) Pelajar menerima pemakluman daripada PutraENROLL untuk mendaftar Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh ELS;</p> <p>(ii) Pelajar merujuk <i>Postgraduate Candidature Checklist -English Programme</i> (Pautan: <a href="https://sgs.upm.edu.my/current_students-2973">https://sgs.upm.edu.my/current_students-2973</a>) untuk maklumat lanjut berkenaan kursus Bahasa Inggeris;</p> <p>(iii) Pelajar mendaftar kursus tersebut melalui laman web ELS;</p> <p>(iv) Pelajar boleh mendaftar kursus prasyarat/bahasa/teras/elektif berdasarkan tahap kursus Bahasa Inggeris yang didaftarkan sepertimana berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kategori Kursus Bahasa Inggeris</th> <th colspan="4">Kursus Boleh Daftar</th> </tr> <tr> <th>Prasyarat</th> <th>Bahasa</th> <th>Teras</th> <th>Elektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CIEP 101 - 107</td> <td style="text-align: center;">X</td> <td style="text-align: center;">X</td> <td style="text-align: center;">X</td> <td style="text-align: center;">X</td> </tr> <tr> <td>CIEP 108 - 109</td> <td style="text-align: center;">/</td> <td style="text-align: center;">/</td> <td style="text-align: center;">/</td> <td style="text-align: center;">/</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori Kursus Bahasa Inggeris	Kursus Boleh Daftar				Prasyarat	Bahasa	Teras	Elektif	CIEP 101 - 107	X	X	X	X	CIEP 108 - 109	/	/	/	/
Kategori Kursus Bahasa Inggeris	Kursus Boleh Daftar																			
	Prasyarat	Bahasa	Teras	Elektif																
CIEP 101 - 107	X	X	X	X																
CIEP 108 - 109	/	/	/	/																

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 11/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(v) Pelajar menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan;</p> <p>(vi) Pelajar akan diberikan status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated (GB)</i>) sekiranya gagal kursus Bahasa Inggeris kali ke-3;</p> <p>(vii) Pelajar mengambil tindakan berikut setelah lulus kursus berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar yang lulus dikehendaki mengesahkan penerimaan tawaran di Portal Pemohon (<i>Applicant Portal</i>) dengan klik butang <i>Accept</i> dan melengkapkan semua seksyen di PutraENROLL bagi mendapatkan nombor matrik baharu, atau</li> <li>• Pelajar yang lulus CIEP 109 perlu membawa <i>Certificate of Completion &amp; Summary Progress Report</i> ke Kaunter Pengambilan, SPS atau emel kepada <a href="mailto:sgs.admissions@upm.edu.my">sgs.admissions@upm.edu.my</a> untuk pengemaskinian status pengajian pelajar di dalam i-GIMS.</li> </ul> <p>(viii) Pelajar boleh menarik diri daripada Kursus Bahasa Inggeris dengan mengemukakan surat permohonan tarik diri di Kaunter Pengambilan, SPS atau melalui emel <a href="mailto:pg_admission@upm.edu.my">pg_admission@upm.edu.my</a>. Pelajar akan diberikan surat penarikan diri dalam tempoh dua (2) hingga lima (5) hari bekerja untuk kegunaan di i-PUTRA.</p> <p><b>(2) Status Bersyarat Disebabkan Perlu Mengambil Kursus Prasyarat</b></p> <p>(i) Pelajar merujuk skema pengajian yang telah disediakan oleh PTJ untuk mendapatkan maklumat kursus prasyarat;</p> <p>(ii) Pelajar mendaftar kursus berkenaan di Portal Pelajar;</p> <p>(iii) Pelajar menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan; dan</p> <p>(iv) Pelajar menyemak status pengajian daripada Status Bersyarat (<i>Provisional</i>) kepada Sambung (<i>Continue</i>) dalam Portal Pelajar.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 12/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p><b>(3) Status Bersyarat Disebabkan Keperluan Mengemukakan Sijil Akademik Dan Transkrip</b></p> <p>(i) Pelajar mendapatkan sijil akademik dan transkrip asal daripada institusi pengajian; dan</p> <p>(ii) Pelajar hadir ke Kaunter Pengambilan, SPS bagi tujuan pengesahan pendaftaran dengan membawa dokumen yang disenaraikan di dalam Senarai Semak Pendaftaran Untuk Pelajar Baharu (Tujuan Pengesahan) beserta dokumen tambahan (sekiranya berkaitan).</p>
<b>3.3</b>	<p><b>Pengesahan Kesihatan Pelajar Antarabangsa Yang Baru Masuk ke Malaysia</b></p> <p>(i) Pelajar menjalankan proses saringan kesihatan di PKU dengan membawa <i>Health Examination Report Form</i> dan <i>Registration Checklist for New Student (Verification Purposes)</i>; dan</p> <p>(ii) Pelajar hadir ke Kaunter Pengambilan, SPS bagi tujuan pengesahan dengan membawa '<i>Registration Checklist for New Student (Verification Purposes)</i>' yang telah dilengkapkan dan dokumen yang disenaraikan di dalam senarai semak tersebut.</p>
<b>3.4</b>	<p><b>Majlis Ikrar dan Taklimat Pelajar Pascasiswazah Baharu</b></p> <p>(i) Pelajar membuat pra-pendaftaran kehadiran (pre-registration) bagi Majlis Ikrar dan Taklimat Pelajar Pascasiswazah Baharu; dan</p> <p>(ii) Pelajar menghadiri Majlis Ikrar/Taklimat Pelajar Pascasiswazah Baharu dan merekodkan kehadiran.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 13/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan	
<b>4.</b>	<b>Pengurusan Program Sokongan Pembelajaran Putra Sarjana</b>	
<b>4.1</b>	<b>Pelaksanaan Program</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar merujuk iklan tawaran program Putra Sarjana di emel pelajar/ laman web SPS/ media sosial SPS (contoh; Facebook/ Telegram/ Instagram);</li> <li>(ii) Pelajar membuat pra-pendaftaran melalui Portal Putra Sarjana (<a href="http://sgsportal.upm.edu.my:8080/putrasarjana/">http://sgsportal.upm.edu.my:8080/putrasarjana/</a>);</li> <li>(iii) Pelajar hadir dan melaksanakan penilaian keberkesanan program; dan</li> <li>(iv) Pelajar memuat turun e-sijil melalui emel pelajar.</li> </ul>	
<b>5.</b>	<b>Pendaftaran Kursus</b>	
<b>5.1</b>	<b>Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar merujuk kepada skema pengajian yang diberi oleh PTJ dan <i>Postgraduate Candidature Checklist</i> yang boleh dimuat turun melalui laman web SPS melalui pautan berikut: (<a href="https://sgs.upm.edu.my/current_students-2973">https://sgs.upm.edu.my/current_students-2973</a>);</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Maklumat mengenai proses tambah/gugur kursus dan jadual waktu kuliah amali boleh dirujuk di Portal Pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Pelajar mendaftar kursus secara dalam talian di Portal Pelajar dengan mengambil kira perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pelajar boleh mendaftar kursus dengan minimum enam (6) jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus lebih atau kurang daripada had kredit yang ditetapkan, hendaklah melengkapkan Borang <i>Application to</i></li> </ul> </li> </ul>	

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 14/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p><i>Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar.</p> <p>(b) Pelajar baharu Program Secara Penyelidikan dibenarkan mendaftar SPS5903/ SPS6903/ SPS5999/ SPS6999 sehingga minggu ke-13 manakala selain kursus tersebut, pelajar dibenarkan mendaftar sehingga minggu ke-2 atau tempoh lain berdasarkan sokongan daripada PTJ dan kelulusan SPS.</p> <p>(c) Pelajar yang berstatus 'Bersyarat' (<i>Provisional</i>) disebabkan belum melengkapkan keperluan kursus prasyarat tidak dibenarkan mendaftar kursus teras program sehingga kursus prasyarat tersebut dilengkapkan. Namun, kursus prasyarat boleh diambil bersama dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus elektif yang bukan pengkhususan / berkait dengan kursus teras atau prasyarat.</li> <li>• Master / Doctoral Research (hanya untuk program secara penyelidikan) (SPS5999/SPS6999).</li> <li>• Kursus bahasa (PIE 2 / LPM 2100).</li> <li>• Kursus Kaedah Penyelidikan (Research Methodology).</li> </ul> <p>(d) Pelajar program secara penyelidikan perlu mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 5.1 (ii) (c) dengan jumlah minimum 6 jam kredit. Manakala, pelajar program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) dibenarkan mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 5.1 (ii) (c) dengan jumlah kurang daripada 6 jam kredit;</p> <p>(e) Bagi pelajar NG 'secara penyelidikan', pendaftaran kursus SPS5999/SPS6999 dengan minimum enam (6) jam kredit akan dilaksanakan oleh PYB UA melalui pemakluman daripada PYB UPI; dan</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 15/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(f) Bagi pelajar NG 'secara kerja kursus', pelajar perlu mendaftar kursus sebagaimana yang ditetapkan oleh PTJ.</p> <p>(iii) Pelajar membuat semakan senarai kursus yang telah didaftarkan melalui Portal Pelajar dan mencetak slip pendaftaran kursus sebagai rekod; dan</p> <p>(iv) Pelajar antarabangsa mengemukakan slip pendaftaran kursus dan passport ke i-PUTRA bagi tujuan pemprosesan Pas Pelajar.</p>
<b>5.2</b>	<p><b>Pendaftaran Kursus Pelajar Sambungan</b></p> <p>(i) Pelajar merujuk kepada skema pengajian yang boleh didapati di Pej. TD/TP PTJ masing-masing dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar merujuk kepada tarikh-tarikh penting berkaitan proses akademik dalam kalendar akademik yang boleh dicapai melalui laman web SPS bagi urusan pendaftaran kursus.</p> <p>(b) Pendaftaran kursus bagi pelajar sambungan dibuka bermula dalam tempoh tiga (3) minggu sebelum semester bermula.</p> <p>(c) Pelajar boleh mendaftar kursus dengan minimum enam (6) jam kredit dan maksimum 20 jam kredit setiap semester. Pelajar yang ingin mendaftar kursus lebih atau kurang daripada had kredit yang ditetapkan, hendaklah melengkapkan <i>Borang Application to Add/Drop Course (PG/ACA/GS-06)</i> secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar.</p> <p>(d) Pelajar sambungan dibenarkan mendaftar SPS5903/ SPS6903/ SPS5999/ SPS6999 sehingga minggu ke-7 manakala selain kursus tersebut, pelajar hanya dibenarkan mendaftar sehingga minggu ke-2 atau tempoh lain berdasarkan sokongan daripada PTJ dan kelulusan SPS.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 16/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(e) Pelajar membuat pembayaran yuran pengajian selewat-lewatnya pada minggu ketujuh (7) pengajian. Kegagalan melaksanakan pembayaran ini menyebabkan status pelajar bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>). Pelajar yang berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus, menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan.</p> <p>(f) Pelajar yang berstatus 'Bersyarat' (<i>Provisional</i>) disebabkan belum melengkapkan keperluan kursus prasyarat tidak dibenarkan mendaftar kursus teras program sehingga kursus prasyarat tersebut dilengkapkan. Namun, kursus prasyarat boleh diambil bersama dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus elektif yang bukan pengkhususan / berkait dengan kursus teras atau prasyarat.</li> <li>• Master / Doctoral Research (SPS 5999/6999) (hanya untuk program secara penyelidikan).</li> <li>• Kursus bahasa (LPM 2100).</li> <li>• Kursus Kaedah Penyelidikan (Research Methodology).</li> </ul> <p>(g) Pelajar program secara penyelidikan perlu mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 5.2 (i) (f) dengan jumlah minimum 6 jam kredit. Manakala, pelajar program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) dibenarkan mendaftar kursus prasyarat bersama kursus lain seperti dinyatakan dalam 5.2 (i) (f) dengan jumlah kurang daripada 6 jam kredit.</p> <p>(ii) Pelajar menyemak senarai kursus yang telah didaftarkan di Portal Pelajar dan mencetak slip pendaftaran kursus sebagai rekod.</p>
<b>5.3</b>	<p><b>Tambah Kursus (Termasuk Lewat Daftar)</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar. Penalti</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 17/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>RM200.00 akan dikenakan kepada pelajar sambungan yang kursus mendaftar bermula pada minggu pertama selepas semester bermula;</p> <p>(ii) Pelajar mendapatkan sokongan berserta ulasan daripada setiap pensyarah kursus/Penyelaras Program pada borang;</p> <p>(iii) Pelajar memajukan borang yang telah disokong oleh pensyarah kursus/Penyelaras Program kepada Pej. TD/TP untuk mendapatkan pengesahan;</p> <p>(iv) Pelajar menghantar borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ beserta resit pembayaran kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my; dan</p> <p>(v) Pelajar membuat semakan kursus yang telah didaftarkan melalui Portal Pelajar.</p>
<b>5.4</b>	<p><b>Gugur Kursus</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar. Permohonan gugur kursus dibenarkan sehingga minggu ke-7 selepas semester bermula sahaja. Permohonan selepas tempoh tersebut hanya akan dipertimbangkan atas alasan yang munasabah dengan justifikasi yang kukuh dan ulasan daripada TD/TP PTJ pada borang PG/ACA/GS-06, serta pelajar akan dikenakan penalti RM100.00;</p> <p>(ii) Pelajar mendapatkan sokongan berserta ulasan daripada setiap pensyarah kursus/Penyelaras Program pada borang;</p> <p>(iii) Pelajar memajukan borang yang telah disokong oleh pensyarah kursus/Penyelaras Program kepada Pejabat TD/TP untuk mendapatkan pengesahan;</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 18/61
		No. Semakan: 02
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iv) Pelajar menghantar borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my; dan</li> <li>(v) Pelajar membuat semakan kursus yang telah digugurkan melalui Portal Pelajar.</li> </ul>
<b>5.5</b>	<p><b>Pertukaran Status Kursus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Amendment of Course Status</i> (PG/ACA/GS-50) secara manual yang boleh dimuat turun melalui Portal Pelajar. Permohonan pertukaran status kursus dibenarkan sehingga minggu ke-7 selepas semester bermula tertakluk kepada perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pertukaran daripada Wajib (YW)/Elektif (ELF) kepada Audit (AU): kursus akan dinilai dengan sama ada gred 'Memuaskan' (M) atau 'Tidak Memuaskan' (TM) dan kursus tidak akan diambil kira dalam penentuan pengiraan PNGK.</li> <li>(b) Pertukaran daripada Audit (AU) kepada Wajib (YW)/Elektif (ELF): pelajar akan dinilai dengan gred (A – F) dan kursus akan diambil kira dalam penentuan pengiraan PNGK.</li> </ul> </li> <li>(ii) Pelajar mendapatkan sokongan berserta ulasan daripada Penasihat/ Penyelia/ Penyelaras Program pada borang;</li> <li>(iii) Pelajar memajukan borang yang telah disokong oleh pensyarah Penasihat/ Penyelia/ Penyelaras Program kepada Pej. TD/TP untuk mendapatkan pengesahan;</li> <li>(iv) Pelajar menghantar borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my; dan</li> <li>(v) Pelajar membuat semakan status kursus yang telah dikemaskini melalui Portal Pelajar</li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 19/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
<b>6.</b>	<b>Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus</b>
<b>6.1</b>	<b>Pemindahan Kredit</b>
	<p>(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan pensyarah mengenai peluang pemindahan kredit (jika berkaitan) dengan mengambil maklum perkara berikut:</p> <p>(a) <b>Pindah Kredit Secara Horizontal:</b> Pelajar yang telah mendaftar kursus di UPM atau di institusi pengajian lain yang diiktiraf oleh UPM bagi peringkat pengajian yang sama.</p> <p>(b) <b>Pindah Kredit Secara Vertikal:</b> Pindah kredit secara vertikal dari peringkat Master ke PhD adalah tidak dibenarkan, kecuali bagi pelajar di bawah Program Integrasi, di mana pelajar tahun akhir program Bachelo mendaftar kursus teras peringkat Master sebagai kursus elektif bebas dengan kebenaran Ketua PTJ.</p> <p>(c) <b>Pindah Kredit Secara APEL C:</b> Pindah kredit secara APEL C merupakan kaedah pengiktirafan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu yang diperolehi melalui kerja, latihan profesional, atau pembelajaran tidak formal. Kaedah ini membolehkan pelajar memohon pengecualian kursus tertentu dalam program pengajian semasa, tertakluk kepada penilaian oleh PTJ. Proses ini melibatkan penyediaan portfolio, bukti pengalaman, serta penilaian kompetensi bagi memastikan kesetaraan dengan hasil pembelajaran kursus yang dimohon.</p> <p>(ii) Pelajar menyemak kelayakan pindah kredit dengan mengambil kira syarat berikut:</p> <p>(a) Gred bagi kredit yang dipindahkan tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNGK. Walau bagaimanapun, jumlah kredit tersebut akan diambil kira bagi memenuhi keperluan kredit untuk bergraduat.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 20/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(b) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindahkan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak melebihi 50% daripada jumlah kredit program bagi Program Secara Kerja Kursus.</li> <li>• Sehingga 100% daripada jumlah kredit program bagi Program Secara Penyelidikan.</li> <li>• Pindah kredit di bawah program integrasi adalah 30%.</li> </ul> <p>(c) Syarat kelayakan pemindahan kredit adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred 'B' atau setaraf bagi kursus yang ingin dipindahkan.</li> <li>• Kursus tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pelajar bergraduat.</li> <li>• Pelajar mestilah mempunyai status 'Baik' daripada institusi atau program pengajian terdahulu.</li> <li>• Pemindahan kredit tidak dibenarkan bagi kursus daripada program pengajian yang telah gagal, termasuk bagi pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tersebut.</li> </ul> <p>(d) Permohonan pemindahan kredit hendaklah dibuat pada semester pertama pengajian melalui portal pelajar secara dalam talian.</p> <p>(e) Kandungan kursus yang dimohon untuk pemindahan kredit perlu disahkan kesetaraannya oleh pihak PTJ, dengan sekurang-kurangnya 80% persamaan kandungan.</p> <p>(iii) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Credit Transfer</i> (PG/ACA/GS-04a), berserta salinan transkrip dan/atau silibus kursus (sekiranya kursus tersebut diambil dari institusi lain) melalui Portal Pelajar; dan</p> <p>(iv) Pelajar membuat semakan status pemindahan kredit di Portal Pelajar.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 21/61
		No. Semakan: 02
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
<b>6.2</b>	<p><b>Pengecualian Kursus</b></p> <p>(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan pensyarah mengenai peluang pengecualian kursus (jika berkaitan);</p> <p>(ii) Pelajar menyemak kelayakan pengecualian kursus dengan mengambil kira syarat berikut:</p> <p>(a) Gred bagi kursus yang dikecualikan TIDAK akan diambil kira dalam pengiraan PNGK, dan jumlah kreditnya juga TIDAK akan dikira bagi memenuhi keperluan kredit untuk bergraduat.</p> <p>(b) Pelajar yang telah mengikuti kursus Kaedah Penyelidikan semasa pengajian di peringkat Master boleh memohon pengecualian kursus, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai kredit kursus Kaedah Penyelidikan program Master adalah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus Kaedah Penyelidikan program PhD.</li> <li>• Kerelevanan dan kekinian ilmu dan kemahiran Kaedah Penyelidikan peringkat Master berdasarkan kepada keperluan pengajian pada peringkat PhD.</li> <li>• Pelajar antarabangsa yang telah mendaftar kursus Bahasa Melayu (LPM2100 atau setaraf) boleh memohon pengecualian kursus tersebut.</li> </ul> <p>(c) Kursus yang diluluskan untuk pengecualian perlu diganti dengan kursus lain dengan jumlah kredit yang sama kecuali bagi kursus Bahasa Melayu (LPM2100 atau setara).</p> <p>(d) Pelajar mestilah memperoleh sekurang-kurangnya gred 'B' atau setaraf bagi kursus yang ingin dikecualikan.</p> <p>(e) Kursus tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh pelajar bergraduat.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 22/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(f) Permohonan pengecualian kursus hendaklah dibuat dalam semester pertama pengajian secara dalam talian.</p> <p>(g) Pelajar mestilah mempunyai status 'Baik' daripada institusi atau program pengajian terdahulu.</p> <p>(h) Pengecualian kursus tidak dibenarkan bagi kursus daripada program pengajian yang telah gagal, termasuk bagi pelajar yang telah menarik diri daripada pengajian tersebut.</p> <p>(i) Kandungan kursus yang dipohon untuk pengecualian kursus perlu disahkan kesetaraannya oleh pihak PTJ, dengan sekurang-kurangnya 80% persamaan kandungan.</p> <p>(iii) Pelajar melengkapkan Borang <i>Course Exemption</i> (PG/ACA/GS-04c), berserta salinan transkrip dan/atau silibus kursus (sekiranya kursus tersebut diambil dari institusi lain) melalui Portal Pelajar; dan</p> <p>(iv) Pelajar membuat semakan status pengecualian kursus melalui Portal Pelajar.</p>
<b>7.</b>	<b>Proses Pengajian Pelajar Pascasiswazah (<i>Candidature</i>)</b>
<b>7.1</b>	<p><b>Pertukaran Program Pengajian</b></p> <p><b>(1) Pertukaran Program Pengajian (Normal)</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) daripada pelajar melalui i-GIMS berserta bayaran yuran proses RM100.00 dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar boleh membuat secara dalam talian melalui portal pelajar.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 23/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(b) Pelajar yang membuat permohonan perlu mendapat pengesahan penyelia dan fakulti sebelum dibawa ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU untuk mendapat kelulusan mesyuarat.</p> <p>(c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan (berdasarkan sebab yang kukuh) dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU.</p> <p>(d) Sekiranya pertukaran melibatkan Penasihat/Penyelia daripada PTJ yang berlainan, permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua pihak.</p> <p>(e) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar.</p> <p>(f) Pelarasan semula yuran pengajian adalah bagi pertukaran program daripada Program Secara Penyelidikan kepada Program Secara Kerja Kursus dimana pelajar akan dikenakan caj yuran per kredit untuk kursus- kursus yang telah didaftarkan oleh pelajar semasa dalam pengajian Program Secara Penyelidikan.</p> <p>(g) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program dan TD/TP PTJ untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS.</p> <p>(ii) Pelajar membuat semakan permohonan pertukaran program pengajian melalui Portal Pelajar dan emel pelajar.</p> <p><b>(2) Pertukaran Program Pengajian (daripada program normal ke ICP)</b></p> <p>(i) Pelajar mendapatkan penasihat berkenaan pertukaran program daripada Penyelia/Penasihat. Permohonan pertukaran mestilah dibuat</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 24/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>selewatnya pada semester kedua pengajian dan pelajar mestilah berstatus 'Baik' (<i>Continue</i>);</p> <p>(ii) Pelajar mengenalpasti Penyelia bersesuaian di institusi kerjasama;</p> <p>(iii) Pelajar menghantar dokumen permohonan berikut kepada PYB UPI:</p> <p style="margin-left: 40px;">(a) Borang Permohonan ICP (PG/PI/GS-68).</p> <p style="margin-left: 40px;">(b) Borang Laporan Pengadil ICP (PG/PI/GS-69).</p> <p style="margin-left: 40px;">(c) Pengesahan persetujuan sebagai Penyelia (melalui emel atau surat rasmi) oleh bakal Penyelia di institusi kerjasama.</p> <p><b>Nota:</b> Borang PG/PI/GS-68 dan PG/PI/GS-69 boleh diakses melalui laman web SPS.</p> <p>(iv) Sekiranya permohonan diluluskan oleh institusi kerjasama, pelajar melaksanakan bayaran yuran proses sebanyak RM100.00.</p> <p><b>(3) Pertukaran Program Pengajian (daripada program normal-ke PSI)</b></p> <p>(i) Pelajar mendapatkan penasihat berkenaan pertukaran program daripada Penyelia/Penasihat. Permohonan pertukaran mestilah dibuat selewatnya pada semester kedua pengajian dan pelajar mestilah berstatus 'Baik' (<i>Continue</i>);</p> <p>(ii) Pelajar mengenalpasti Penyelia industri; dan</p> <p>(iii) Pelajar menghantar dokumen permohonan berikut kepada PYB UPIBK UPI:</p> <p style="margin-left: 40px;">(a) Surat sokongan daripada majikan.</p> <p style="margin-left: 40px;">(b) Borang pengisytiharan penyelia industri (PG/PI/GS-70).</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 25/61
		No. Semakan: 02
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p><b>Nota:</b> Borang PG/PI/GS-70 boleh diakses melalui laman web SPS.</p> <p>(iv) Setelah mendapat sokongan PTJ, pelajar melaksanakan bayaran yuran proses sebanyak RM100.00.</p>
<b>7.2</b>	<p><b>Pertukaran Bidang Pengajian bagi Program Secara Penyelidikan</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) daripada pelajar melalui i-GIMS berserta bayaran yuran proses RM100.00 dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar boleh membuat permohonan secara dalam talian melalui portal pelajar.</p> <p>(b) Pelajar yang membuat permohonan perlu mendapat pengesahan penyelia dan fakulti sebelum dibawa ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU untuk mendapat kelulusan mesyuarat.</p> <p>(c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan (berdasarkan sebab yang kukuh) dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU.</p> <p>(d) Sekiranya pertukaran melibatkan Penasihat/Penyelia daripada PTJ yang berlainan, permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua pihak.</p> <p>(e) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar.</p> <p>(f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 26/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia dan TD/TP PTJ untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS; dan</li> <li>(iii) Pelajar membuat semakan permohonan pertukaran bidang pengajian melalui Portal Pelajar dan emel pelajar.</li> </ul>
<b>7.3</b>	<p><b>Pertukaran Penempatan PTJ</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Transfer</i> (PG/ACA/GS-08) daripada pelajar melalui i-GIMS berserta bayaran yuran proses RM100.00 dengan mengambil perhatian perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pelajar boleh membuat permohonan secara dalam talian melalui portal pelajar.</li> <li>(b) Pelajar yang membuat permohonan perlu mendapat pengesahan penyelia dan fakulti sebelum dibawa ke Mesyuarat JKKAPS serta JKPSU untuk kelulusan.</li> <li>(c) Pelajar yang membuat permohonan pada semester ketiga dan ke atas perlu mendapat pertimbangan (berdasarkan sebab yang kukuh) dan kelulusan JKKAPS serta JKPSU.</li> <li>(d) Permohonan perlu mendapatkan pengesahan dari kedua-dua PTJ.</li> <li>(e) Pelajar antarabangsa perlu berhubung dengan i-PUTRA untuk proses penukaran pas pelajar.</li> <li>(f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya.</li> </ul> </li> <li>(ii) Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia dan TD/TP PTJ untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS; dan</li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 27/61
		No. Semakan: 02
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	(iii) Pelajar membuat semakan permohonan penempatan PTJ melalui Portal Pelajar dan emel pelajar.
<b>7.4</b>	<p><b>Naik Taraf Pengajian dari Program Master ke PhD</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Conversion of Masters Programme to PhD</i> (PG/ACA/GS-09) daripada pelajar melalui i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar hendaklah telah menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester pengajian. PYB PTJ perlu memastikan permohonan naik taraf ini dibuat selewat-lewatnya sebelum tamat semester kedua pengajian pelajar.</p> <p>(b) Pelajar telah melengkapkan semua keperluan kerja kursus seperti yang ditetapkan oleh SPS dan PTJ, dan memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.750.</p> <p>(c) Pelajar mesti menunjukkan pencapaian penyelidikan yang signifikan melalui salah satu daripada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerbitkan atau menunjukkan bukti penerimaan artikel dalam jurnal berwasit (Scopus/ERA/JCR); atau</li> <li>• Memfailkan paten/hakcipta (<i>software-based</i>)/ reka cipta industri/ papan litar bercetak (<i>printed circuit board</i>)/ inovasi utiliti; atau</li> <li>• Pelajar dalam bidang sains sosial mesti menunjukkan bukti menerbitkan bab dalam buku di bawah senarai penerbit <i>Thomson Reuters Web of Science (WOS)/University Publisher/Dewan Bahasa dan Pustaka /penerbit yang diiktiraf dan tersenarai di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).</i></li> </ul> <p>(d) Pelajar mengemukakan cadangan penyelidikan yang setara dengan keperluan di peringkat PhD.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 28/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(e) Permohonan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan.</p> <p>(f) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya.</p> <p>(ii) Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia dan TD/TP PTJ untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS;</p> <p>(iii) Pelajar mengemukakan cadangan penyelidikan yang setara dengan keperluan di peringkat PhD kepada Pej. TD/TP PTJ;</p> <p>(iv) Pelajar menghadiri sesi pembentangan seminar cadangan penyelidikan sebagaimana yang ditetapkan oleh PYB PTJ; dan</p> <p>(v) Pelajar membuat semakan permohonan naik taraf pengajian melalui Portal Pelajar.</p>
<b>7.5</b>	<p><b>Turun Taraf Pengajian dari Program PhD ke Master</b></p> <p><b>(1) Permohonan Turun Taraf Pengajian atas Permintaan Pelajar</b></p> <p>(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan Penasihat/Penyelia mengenai justifikasi permohonan turun taraf pengajian;</p> <p>(ii) Pelajar membuat permohonan turun taraf pengajian melalui surat rasmi dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 29/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(b) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan.</p> <p>(iii) Pelajar mendapatkan sokongan Penasihat/Penyelia pada surat rasmi;</p> <p>(iv) Pelajar memajukan surat yang telah disokong oleh Penasihat/Penyelia kepada PYB PTJ untuk mendapatkan pengesahan TD/TP PTJ;</p> <p>(v) Pelajar memajukan surat rasmi yang telah disahkan kepada PYB UA di kaunter SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my; dan</p> <p>(vi) Pelajar membuat semakan permohonan turun taraf pengajian melalui Portal Pelajar atau emel.</p> <p><b>(2) Permohonan Turun Taraf Pengajian atas Permintaan Penasihat/Penyelia</b></p> <p>(i) Pelajar menghadiri perbincangan dengan Penasihat/Penyelia mengenai justifikasi permohonan turun taraf pengajian dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar boleh diturunkan taraf pengajian ke peringkat Master sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gagal dalam CE.</li> <li>• Penyelia/Penasihat berpendapat bahawa pelajar tidak berkeupayaan untuk meneruskan pengajian di peringkat PhD.</li> <li>• Terdapat perubahan pada skop penyelidikan berbanding skop asal yang telah diluluskan semasa permohonan naik taraf.</li> <li>• Projek penyelidikan yang dijalankan tidak memenuhi Hasil Pembelajaran Program (PLO) bagi pengajian di peringkat PhD. dan/atau</li> <li>• Pelajar menukar bidang pengajian.</li> </ul> <p>(b) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-7, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 30/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-7, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya.</p> <p>(c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dibawa ke JKKAPS untuk pertimbangan.</p> <p>(ii) Pelajar membuat semakan permohonan turun taraf pengajian melalui Portal Pelajar atau emel.</p>
<b>7.6</b>	<p><b>Penangguhan Pengajian</b></p> <p>(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan Penasihat/Penyelia mengenai permohonan penangguhan pengajian;</p> <p>(ii) Pelajar membuat permohonan penangguhan pengajian melalui Borang <i>Application for Deferment of Semester (PG/ACA/GS-07)</i> daripada pelajar melalui i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar dibenarkan memohon penangguhan pengajian sebanyak maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.</p> <p>(b) Tambahan dua (2) semester lagi boleh dipohon hanya sekiranya pelajar menghadapi masalah kesihatan atau berdasarkan justifikasi khusus yang disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bagi permohonan yang melibatkan masalah kesihatan, laporan kesihatan perlu dimajukan kepada PYB UA untuk semakan sebelum PYB UA memajukan laporan berkenaan kepada PKU untuk pengesahan.</p> <p>(c) Permohonan penangguhan pengajian yang melebihi empat (4) semester secara keseluruhan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) [TNCAA].</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 31/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026
<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>		


Bil	Tindakan
	<p>(d) Permohonan yang tidak lengkap, tidak mendapat pengesahan/sokongan, atau tidak disertakan dengan dokumen sokongan tidak akan dipertimbangkan.</p> <p>(e) Pelajar tidak berada dalam status 'Thesis Submitted' dan <i>Resubmission</i> selepas menjalani sesi <i>viva voce</i> pada semester sebelumnya.</p> <p>(f) Yuran dan penalti penangguhan mengikut minggu permohonan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minggu 1–2 selepas semester bermula: Caj perkhidmatan sebanyak RM100.00 akan dikenakan.</li> <li>• Minggu 3–7 selepas semester bermula: Penalti sebanyak RM600.00 akan dikenakan.</li> <li>• Minggu ke-8 dan seterusnya: Permohonan tidak akan dipertimbangkan, kecuali atas alasan kesihatan atau justifikasi munasabah yang disokong oleh dokumen rasmi, dan pelajar akan dikenakan yuran pengajian secara pro rata bagi semester berkenaan.</li> </ul> <p>(iii) Pelajar memaklumkan kepada Penasihat/Penyelia untuk menyokong permohonan melalui i-GIMS; dan</p> <p>(iv) Pelajar membuat semakan permohonan melalui Portal Pelajar.</p>
<b>7.7</b>	<p><b>Tarik Diri Daripada Pengajian</b></p> <p>(i) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada Pejabat Bursar pada Borang <i>Application of Withdrawal from Study</i> (PG/ACA/GS-49) bagi mengesahkan bahawa tiada sebarang tunggakan bayaran dengan UPM;</p> <p>(ii) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada PYB PSAS pada borang bagi mengesahkan bahawa tiada peminjaman buku yang masih belum dipulangkan;</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 32/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan													
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) Pelajar mendapatkan sokongan daripada Penasihat/Penyelia pada borang yang telah disahkan oleh Pejabat Bursar dan PSAS;</li> <li>(iv) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada TD/TP PTJ pada borang yang disokong oleh Penasihat/Penyelia;</li> <li>(v) Pelajar memajukan borang yang telah disahkan oleh TD/TP PTJ kepada PYB UA, SPS atau melalui emel kepada sgs.academic@upm.edu.my; dan</li> <li>(vi) Pelajar menyemak keputusan permohonan tarik diri pengajian melalui Portal Pelajar dan emel pelajar.</li> </ul>													
<b>7.8</b>	<p><b>Pelanjutan Tempoh Pengajian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar menerima pemakluman daripada PYB PTJ bagi pelajar yang kini berada dalam semester terakhir pada minggu ke-10 selepas semester bermula;</li> <li>(ii) Semester akhir merujuk kepada: <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>Program</th> <th>Mod Pengajian</th> <th>Bilangan Semester</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2" style="text-align: center;">Master</td> <td>Sepenuh Masa</td> <td style="text-align: center;">7 hingga 9</td> </tr> <tr> <td>Separuh Masa</td> <td style="text-align: center;">7 hingga 11</td> </tr> <tr> <td rowspan="2" style="text-align: center;">PhD</td> <td>Sepenuh Masa</td> <td style="text-align: center;">11 hingga 13</td> </tr> <tr> <td>Separuh Masa</td> <td style="text-align: center;">11 hingga 15</td> </tr> </tbody> </table> </li> <li>(iii) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PG/ACA/GS-13c) dalam Portal Pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pelajar dibenarkan membuat permohonan lanjutan tempoh pengajian sebanyak dua (2) kali dan tempoh yang dibenarkan untuk lanjutan adalah sebanyak maksimum tiga (3) semester sahaja melainkan hanya bagi kes-kes tertentu.</li> </ul> </li> </ul>	Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester	Master	Sepenuh Masa	7 hingga 9	Separuh Masa	7 hingga 11	PhD	Sepenuh Masa	11 hingga 13	Separuh Masa	11 hingga 15
Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester												
Master	Sepenuh Masa	7 hingga 9												
	Separuh Masa	7 hingga 11												
PhD	Sepenuh Masa	11 hingga 13												
	Separuh Masa	11 hingga 15												

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 33/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan										
	<p>(b) Tindakan yang perlu diambil oleh pelajar adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kategori pelajar</th> <th style="text-align: center;">Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, dan kelulusan diperoleh dalam semester yang sama.</td> <td>Lengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c) melalui Portal Pelajar sebelum semester baharu bermula.</td> </tr> <tr> <td>Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, tetapi kelulusan diperoleh selepas semester berakhir.</td> <td>Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan selepas semester berakhir.</td> <td>Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM100.00: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum.</td> <td>Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM100.00: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> <p>(c) Bagi kes pelajar yang telah berstatus 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated Exceeded Duration</i>) disebabkan pelajar telah berada pada tempoh maksimum pelanjutan pengajian, PYB UA akan menghantar emel kepada pelajar untuk melengkapkan Borang <i>Application for Review Against Termination-Terminated</i></p>	Kategori pelajar	Tindakan	Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, dan kelulusan diperoleh dalam semester yang sama.	Lengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c) melalui Portal Pelajar sebelum semester baharu bermula.	Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, tetapi kelulusan diperoleh selepas semester berakhir.	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul>	Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan selepas semester berakhir.	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM100.00: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul>	Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum.	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM100.00: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul>
Kategori pelajar	Tindakan										
Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, dan kelulusan diperoleh dalam semester yang sama.	Lengkapkan Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c) melalui Portal Pelajar sebelum semester baharu bermula.										
Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan dalam tempoh, tetapi kelulusan diperoleh selepas semester berakhir.	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul>										
Pelajar semester akhir yang mengemukakan permohonan selepas semester berakhir.	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM100.00: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul>										
Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum.	Lengkapkan kedua-dua borang berikut melalui Portal Pelajar dan buat bayaran penalti sebanyak RM100.00: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang <i>Review Against Termination</i> (PU/S/BR04/GS-13b).</li> <li>• Borang <i>Application for Extension of Study Period</i> (PU/S/BR04/GS-13c).</li> </ul>										

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 34/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan													
	<p>(<i>Exceeded Duration</i>) (PG/ACA/GS-52) secara manual melalui portal pelajar yang disokong oleh penyelia dan disahkan oleh TD/TP PTJ dan dihantar bersama satu salinan draf tesis yang sedang disiapkan kepada SPS berserta bayaran yuran proses berjumlah RM100.00. Kes pelajar akan dibawa ke JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan.</p> <p>(d) Tempoh pengajian maksimum merujuk kepada:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Program</th> <th>Mod Pengajian</th> <th>Bilangan Semester</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">Master</td> <td>Sepenuh Masa</td> <td>9 dan ke atas</td> </tr> <tr> <td>Separuh Masa</td> <td>11 dan ke atas</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">PhD</td> <td>Sepenuh Masa</td> <td>13 dan ke atas</td> </tr> <tr> <td>Separuh Masa</td> <td>15 dan ke atas</td> </tr> </tbody> </table> <p>(iv) Pelajar memaklumkan kepada Penyelia/Penasihat untuk menyokong permohonan pelajar dalam i-GIMS;</p> <p>(v) Pelajar memaklumkan kepada TD/TP PTJ untuk mengesahkan permohonan melalui i-GIMS; dan</p> <p>(vi) Pelajar menyemak keputusan permohonan pelanjutan tempoh pengajian melalui Portal Pelajar dan emel pelajar.</p>	Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester	Master	Sepenuh Masa	9 dan ke atas	Separuh Masa	11 dan ke atas	PhD	Sepenuh Masa	13 dan ke atas	Separuh Masa	15 dan ke atas
Program	Mod Pengajian	Bilangan Semester												
Master	Sepenuh Masa	9 dan ke atas												
	Separuh Masa	11 dan ke atas												
PhD	Sepenuh Masa	13 dan ke atas												
	Separuh Masa	15 dan ke atas												
<b>7.9</b>	<p><b>Penyambungan Semula Status Pengajian [bagi Pelajar Pascasiswazah yang Berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) Disebabkan Mendaftar Kursus dan Tidak Menjelaskan Yuran Pengajian]</b></p> <p>(i) Pelajar menerima notis daripada PYB UA dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Status pelajar akan bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>) sekiranya pelajar tidak menjelaskan yuran dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas semester bermula.</p>													

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 35/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(b) Pelajar yang berstatus pengajian 'Gugur' (<i>Dropped</i>) adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri kuliah, menduduki peperiksaan akhir dan menghantar tesis untuk peperiksaan selagi pelajar berhutang dengan UPM.</p> <p>(c) Sekiranya permohonan bagi penyambungan semula status pengajian diterima menjangkau semester, pelajar akan dikenakan penalti penangguhan RM600.00 bagi setiap semester yang ditangguhkan dan semua kursus yang telah didaftarkan pada semester berkaitan akan digugurkan serta didaftarkan semula pada semester berikutnya.</p> <p>(ii) Pelajar menjelaskan yuran pengajian kepada Pejabat Bursar UPM. Sekiranya pelajar menerima tajaan, pelajar perlu memajukan surat pelanjutan tempoh tajaan kepada PYB UBK untuk pengemaskinian maklumat tajaan dalam i-GIMS;</p> <p>(iii) Pelajar mengemukakan resit bayaran kepada PYB UA, SPS atau melalui emel <a href="mailto:sgs.academic@upm.edu.my">sgs.academic@upm.edu.my</a>; dan</p> <p>(iv) Pelajar menyemak status pengajian yang telah dikemaskini kepada 'Baik' (<i>Continue</i>) di Portal Pelajar.</p>
<b>7.10</b>	<p><b>Penyambungan Semula Status Pengajian [bagi Pelajar Pascasiswazah yang Berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) Disebabkan Pelajar Tidak Mendaftar Kursus dan Membayar/Tidak Membayar Yuran]</b></p> <p>(i) Pelajar melengkapkan Borang <i>Application to Add/Drop Course</i> (PG/ACA/GS-06) secara manual yang boleh didapati di Portal Pelajar;</p> <p>(ii) Pelajar mendapatkan sokongan daripada pensyarah kursus/penyelaras program pada borang;</p> <p>(iii) Pelajar mendapatkan pengesahan berserta justifikasi berkaitan (sokong/tidak sokong) daripada TD/TP PTJ;</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 36/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(iv) Pelajar membuat pembayaran penalti lewat daftar RM100.00 (bagi pelajar yang mendaftar lewat sahaja) kepada Pejabat Bursar, UPM;</p> <p>(v) Pelajar menghantar borang yang lengkap beserta resit pembayaran kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my; dan</p> <p>(vi) Pelajar menyemak status pengajian yang telah dikemaskini kepada 'Baik' (<i>Continue</i>) dan kursus yang telah didaftarkan oleh PYB UA, SPS di Portal Pelajar.</p>
<b>7.11</b>	<p><b>Penyambungan Semula Status Pengajian [bagi Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa yang Berstatus 'Gugur' (<i>Dropped</i>) Disebabkan Menghidapi Penyakit Berjangkit dan Tidak Menghantar Laporan Perubatan kepada PKU setiap Semester]</b></p> <p>(i) Pelajar membuat pemeriksaan kesihatan di negara pelajar dan menghantar laporan perubatan kepada PKU pada setiap semester dengan mengambil perhatian perkara berikut;</p> <p style="margin-left: 40px;">(a) Status pelajar akan bertukar kepada 'Gugur' (<i>Dropped</i>) sekiranya pelajar tidak menghantar laporan perubatan kepada PKU dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas semester bermula.</p> <p style="margin-left: 40px;">(b) Pelajar tidak boleh dibenarkan untuk mendaftar sebarang kursus selagi PKU belum mengesahkan bahawa pelajar berada dalam keadaan yang sihat untuk meneruskan pengajian pada semester tersebut.</p> <p style="margin-left: 40px;">(c) Pelajar tidak dibenarkan sama sekali untuk berada di kampus sepanjang tempoh pengajian.</p> <p>(ii) Pelajar menyemak pertukaran status pengajian daripada 'Gugur' (<i>Dropped</i>) kepada 'Baik' (<i>Continue</i>) di Portal Pelajar.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 37/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
<b>7.12</b>	<p><b>Pengemaskinian Status Pengajian Pelajar kepada ‘Tarik Diri’ (<i>Withdraw</i>)</b></p> <p>(i) Pelajar menerima notis peringatan terakhir untuk mendaftar sebelum minggu pertama semester bermula. Sekiranya tiada sebarang tindakan daripada pelajar, PYB UA SPS mengemaskini status pengajian pelajar yang berstatus ‘Gugur’ (<i>Dropped</i>) selama dua (2) semester berturut-turut kepada ‘Tarik Diri’ (<i>Withdraw</i>) padasesemester ketiga pelajar berstatus ‘Gugur’ (<i>Dropped</i>). Status ‘Tarik Diri’ (<i>Withdraw</i>) akan berkuatkuasa pada semester pertama pelajar berstatus ‘Gugur’ (<i>Dropped</i>). Pelajar boleh memohon untuk penyambungan semula status pengajian selewatnya pada semester kedua pelajar diberikan status ‘Gugur’ (<i>Dropped</i>), permohonan selepas tempoh tersebut tidak lagi akan dipertimbangkan;</p> <p>(ii) Pelajar menyediakan surat permohonan penyambungan semula status pengajian dan mendapatkan sokongan daripada Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program;</p> <p>(iii) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada TD/TP PTJ pada surat permohonan;</p> <p>(iv) Pelajar memajukan surat permohonan kepada PYB UA bagi permohonan penyambungan semula status pengajian;</p> <p>(v) Pelajar memajukan emel kepada Pejabat Bursar bagi mendapatkan lejer tunggakan yang perlu dijelaskan;</p> <p>(vi) Pelajar menjelaskan yuran tunggakan dan memajukan bukti pembayaran kepada PYB UA, SPS; dan</p> <p>(vii) Pelajar menyemak status pengajian dalam portal pelajar.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 38/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
<b>7.13</b>	<p><b>Proses Permohonan Pertukaran Mod Pengajian daripada Sepenuh Masa kepada Separuh Masa (hanya untuk pelajar tempatan sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar melengkapkan Borang Permohonan Pendaftaran Mod Pengajian Separuh Masa (PG/ACA/GS-66) secara manual yang boleh didapati dari laman web SPS;</li> <li>(ii) Pelajar mendapatkan sokongan daripada Penasihat/Penyelia/Penyelaras Program;</li> <li>(iii) Pelajar mendapatkan pengesahan daripada TD/TP PTJ;</li> <li>(iv) Pelajar memajukan permohonan yang lengkap kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my; dan</li> <li>(v) Pelajar menyemak permohonan pertukaran mod pengajian melalui emel pelajar.</li> </ul>
<b>8.</b>	<p><b>Pelantikan dan Pelantikan Semula Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah bagi Program Secara Penyelidikan</b></p>
<b>8.1</b>	<p><b>Pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar melengkapkan Borang Penamaan Jawatankuasa Penyeliaan (PG/ACA/GS-10a) di Portal Pelajar;</li> <li>(ii) Pelajar mencetak Borang PG/ACA/GS-10a dan mendapatkan tandatangan semua calon ahli JKP;</li> <li>(iii) Pelajar menghantar Borang PG/ACA/GS-10a dan sekiranya terdapat lantikan ahli luar, perlu dikepilkan bersama <i>Curriculum Vitae of External Supervisory Committee Member Form</i> (PG/ACA/GS-75) kepada PYB PTJ; dan</li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 39/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(iv) Pelajar membuat semakan penamaan ahli Ahli JKP dalam Portal Pelajar dan emel pelajar selepas tempoh dua (2) bulan dari tarikh borang dimajukan kepada Pejabat Siswazah PTJ. Penamaan perlu dibuat selewat-lewatnya pada semester kedua (2) pengajian. Sekiranya gagal berbuat demikian, status pengajian pelajar akan bertukar kepada 'Digantung' (<i>Suspended</i>).</p>
<b>8.2</b>	<p><b>Pelantikan Semula Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar</b></p> <p>(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan Penyelia sedia ada mengenai pelantikan semula ahli JKP;</p> <p>(ii) Pelajar mengisi borang Penamaan Semula Jawatankuasa Penyeliaan (PG/ACA/GS-10b) secara manual yang boleh dicapai melalui portal pelajar dan sekiranya terdapat lantikan ahli luar, perlu dikepilkan bersama <i>Curriculum Vitae of External Supervisory Committee Member Form</i> (PG/ACA/GS-75) dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Borang PG/ACA/GS-10b perlu mendapat persetujuan daripada setiap ahli jawatankuasa penyeliaan sedia ada dan juga setiap ahli jawatankuasa penyeliaan yang baharu.</p> <p>(b) Penamaan semula perlu dilaksanakan selewatnya pada semester ketiga bagi program Master dan selewatnya pada semester ke-5 bagi program PhD.</p> <p>(c) Sekiranya permohonan diluluskan selewat-lewatnya pada minggu ke-11, tarikh kuat kuasa pertukaran adalah pada semester semasa manakala permohonan yang diluluskan selepas minggu ke-11, tarikh kuat kuasa adalah pada semester berikutnya. Dalam keadaan ini, Pengerusi asal perlu membuat pengesahan Laporan <i>Progress Report</i> (PG/ACA/GS-11) dalam i-GIMS.</p> <p>(d) Bagi pelajar yang telah melantik Ahli JKP dan kemudian memohon pertukaran ke ICP atau PSI, pelajar perlu melaksanakan penamaan semula Ahli JKP mengikut keperluan program.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 40/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) Pelajar mendapatkan tandatangan daripada setiap ahli JKP sedia ada dan juga setiap ahli JKP yang baharu;</li> <li>(iv) Pelajar menghantar borang yang lengkap ke Pejabat TD/TP PTJ; dan</li> <li>(v) Pelajar menyemak status permohonan Penamaan Semula JKP di Portal Pelajar dan emel pelajar selepas tempoh dua (2) bulan dari tarikh borang dimajukan kepada Pejabat TD/TP PTJ.</li> </ul>
<b>9.</b>	<b>Peperiksaan Komprehensif (CE)</b>	
	<b>9.1</b>	<b>Peperiksaan Komprehensif (bagi Pelajar Program PhD Secara Penyelidikan Sahaja)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar mengadakan perbincangan dengan Penyelia/Ahli JKP bagi memastikan pelajar memenuhi semua keperluan yang ditetapkan sebelum dibenarkan menduduki CE dengan mengambil perhatian perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pelajar hanya dibenarkan menduduki CE selepas selesai semua kursus wajib dan dalam tempoh empat (4) semester (Sepenuh Masa) dan enam (6) semester (Separuh Masa), status pelajar akan bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated Fail to take CE</i>) sekiranya gagal menduduki CE dalam tempoh ditetapkan.</li> <li>(b) CE hendaklah mengandungi peperiksaan bertulis dan lisan dan pelajar perlu lulus kedua-dua peperiksaan itu yang setara dengan gred B.</li> <li>(c) Pelajar tidak dibenarkan mengambil peperiksaan lisan sehingga pelajar telah lulus peperiksaan bertulis. Peperiksaan lisan perlu dilaksanakan tidak lewat daripada 30 hari selepas peperiksaan bertulis.</li> </ul> </li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 41/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(d) Peperiksaan hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa Penyeliaan pelajar, atau suatu jawatankuasa khas yang dilantik oleh PTJ.</p> <p>(e) Sekiranya pelajar tidak dapat mengambil CE dalam tempoh yang ditetapkan atas alasan perubatan, atau mengalami kecemasan selain daripada alasan perubatan, pelajar itu perlu memohon penganjutan masa yang disokong dengan dokumen berkaitan untuk kelulusan Dekan.</p> <p>(f) Pelajar diberikan peluang sebanyak dua kali untuk lulus peperiksaan. Peperiksaan kali kedua hendaklah diambil dalam tempoh 60 hari selepas peperiksaan kali pertama. Sekiranya gagal kali kedua pelajar akan ditamatkan pengajian dan pelajar boleh dicadangkan untuk turun taraf ke program Master.</p> <p>(ii) Pelajar merujuk kepada Ahli JKP bagi penentuan tarikh menduduki CE;</p> <p>(iii) Pelajar menduduki CE secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan oleh Ahli JKP;</p> <p>(iv) Pelajar menduduki CE secara lisan mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh ahli JKP; dan</p> <p>(v) Pelajar membuat semakan keputusan CE dalam emel dan Portal Pelajar.</p>
<b>10.</b>	<b>Penilaian dan Peperiksaan Akhir</b>
<b>10.1</b>	<b>Pelaksanaan Peperiksaan</b>
	<p>(i) Pelajar merujuk kepada maklumat tarikh, masa dan lokasi peperiksaan akhir dijalankan bagi kursus yang telah didaftarkan pada semester berkenaan;</p> <p>(ii) Pelajar hadir dan menduduki peperiksaan mengikut peraturan peperiksaan seperti berikut:</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 42/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(a) Pelajar hanya boleh memasuki dewan peperiksaan apabila dibenarkan oleh pensyarah.</p> <p>(b) Pelajar tidak dibenarkan untuk masuk ke dewan peperiksaan 30 minit selepas peperiksaan bermula.</p> <p>(c) Dalam 30 minit pertama peperiksaan, pelajar tidak dibenarkan keluar daripada dewan, kecuali dengan izin daripada pensyarah.</p> <p>(d) Pelajar tidak dibenarkan keluar daripada dewan peperiksaan 15 minit sebelum peperiksaan tamat.</p> <p>(e) Pelajar perlu menunjukkan kad matrik sepanjang peperiksaan berlangsung. Pelajar yang gagal berbuat demikian tidak akan dibenarkan untuk mengambil peperiksaan.</p> <p>(f) Pelajar perlu mengisi maklumat dengan lengkap pada kertas peperiksaan.</p> <p>(g) Pelajar tidak dibenarkan meniru, membawa nota, berbual, merokok, membawa makanan sepanjang peperiksaan. Jika tidak, pelajar akan dikenakan tindakan tatatertib.</p> <p>(h) Pelajar wajib mematuhi etika pakaian ketika peperiksaan akhir sedang berlangsung.</p> <p>(i) Pelajar yang gagal menghadiri peperiksaan akhir akan diberi Gred 'F'.</p> <p>(j) Sekiranya pelajar mengemukakan alasan yang kukuh, pelajar dibenarkan untuk menduduki peperiksaan gantian dengan persetujuan Dekan.</p> <p>(k) Peperiksaan gantian perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh asal peperiksaan.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 43/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan																																																									
	<p>(l) Pelajar yang tidak membayar yuran pengajian tidak dibenarkan menduduki peperiksaan dan pelajar program secara penyelidikan akan diberi gred 'TM' dan pelajar tidak dibenarkan untuk menghantar tesis dan menghadiri viva voce.</p> <p>(m) Keputusan peperiksaan akan diumumkan di Portal Pelajar setelah mendapat kelulusan Senat.</p>																																																									
<b>10.2</b>	<p><b>Kemasukan Gred dalam i-GIMS</b></p> <p>(i) Pelajar menyemak keputusan peperiksaan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam kalendar akademik di Portal Pelajar seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Gred</th> <th style="text-align: center;">Markah</th> <th style="text-align: center;">Mata Kualiti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td style="text-align: center;">A</td><td style="text-align: center;">80-100</td><td style="text-align: center;">4.000</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">A-</td><td style="text-align: center;">75-79</td><td style="text-align: center;">3.750</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">B+</td><td style="text-align: center;">70-74</td><td style="text-align: center;">3.500</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">B</td><td style="text-align: center;">65-69</td><td style="text-align: center;">3.000</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">B-</td><td style="text-align: center;">60-64</td><td style="text-align: center;">2.750</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">C+</td><td style="text-align: center;">55-59</td><td style="text-align: center;">2.500</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">C</td><td style="text-align: center;">50-54</td><td style="text-align: center;">2.000</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">C-</td><td style="text-align: center;">47-49</td><td style="text-align: center;">1.750</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">D+</td><td style="text-align: center;">44-46</td><td style="text-align: center;">1.500</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">D</td><td style="text-align: center;">40-43</td><td style="text-align: center;">1.000</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">F</td><td style="text-align: center;">0-39</td><td style="text-align: center;">0.000</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">M</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Memuaskan</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">TM</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Tidak Memuaskan</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">TM (GB)</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Tidak Memuaskan (Gagal dan Diberhentikan)</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">TL</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Tidak Lengkap</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">S</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Diteruskan</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">AU</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Audit</td></tr> <tr><td style="text-align: center;">N</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">Gred Tidak Dimasukkan</td></tr> </tbody> </table>	Gred	Markah	Mata Kualiti	A	80-100	4.000	A-	75-79	3.750	B+	70-74	3.500	B	65-69	3.000	B-	60-64	2.750	C+	55-59	2.500	C	50-54	2.000	C-	47-49	1.750	D+	44-46	1.500	D	40-43	1.000	F	0-39	0.000	M	-	Memuaskan	TM	-	Tidak Memuaskan	TM (GB)	-	Tidak Memuaskan (Gagal dan Diberhentikan)	TL	-	Tidak Lengkap	S	-	Diteruskan	AU	-	Audit	N	-	Gred Tidak Dimasukkan
Gred	Markah	Mata Kualiti																																																								
A	80-100	4.000																																																								
A-	75-79	3.750																																																								
B+	70-74	3.500																																																								
B	65-69	3.000																																																								
B-	60-64	2.750																																																								
C+	55-59	2.500																																																								
C	50-54	2.000																																																								
C-	47-49	1.750																																																								
D+	44-46	1.500																																																								
D	40-43	1.000																																																								
F	0-39	0.000																																																								
M	-	Memuaskan																																																								
TM	-	Tidak Memuaskan																																																								
TM (GB)	-	Tidak Memuaskan (Gagal dan Diberhentikan)																																																								
TL	-	Tidak Lengkap																																																								
S	-	Diteruskan																																																								
AU	-	Audit																																																								
N	-	Gred Tidak Dimasukkan																																																								

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 44/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan	
<b>11.</b>	<b>Pengurusan Peperiksaan Semula</b>	
	<b>11.1</b>	<b>Peperiksaan Semula bagi Kursus Berstruktur</b>
		<p>(i) Pelajar melengkapkan Borang Permohonan Peperiksaan Semula Kursus (PG/ACA/GS-51) yang boleh dicapai melalui Portal Pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Pelajar yang layak adalah yang berstatus 'Percubaan' (<i>Probation</i>) dan 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>).</p> <p>(b) Gred tertinggi yang boleh diberikan untuk permohonan peperiksaan semula adalah gred 'B' Sahaja.</p> <p>(c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses untuk perubahan gred.</p> <p>(d) Peperiksaan semula perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar.</p> <p>(e) Sekiranya status pengajian pelajar adalah 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), gred baharu akan dibawa ke Mesyuarat JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan.</p> <p>(ii) Pelajar memajukan borang yang lengkap ke Pejabat TD/TP PTJ; dan</p> <p>(iii) Pelajar menyemak keputusan permohonan di Portal Pelajar dan emel pelajar.</p>
<b>12.</b>	<b>Pengurusan Semakan Peperiksaan</b>	
	<b>12.1</b>	<b>Semakan Gred</b>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 45/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(i) Pelajar melengkapkan Borang Semakan Gred (PG/ACA/GS-13a) yang boleh dicapai melalui Portal Pelajar beserta yuran proses RM50.00/per kursus dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Sekiranya status pengajian pelajar adalah 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), gred baharu akan dibawa ke Mesyuarat JKSS untuk pertimbangan dan kelulusan.</p> <p>(b) Semakan gred perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan diumumkan kepada pelajar.</p> <p>(c) Bagi pelajar program Secara Kerja Kursus yang berada pada semester akhir yang telah mendapat status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>), pelajar boleh membuat permohonan untuk mengulang semester kepada Dekan SPS bagi pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Siswazah (JKSS).</p> <p>(ii) Pelajar menjelaskan pembayaran RM50.00 kepada Pejabat Bursar UPM bagi setiap kursus yang dibuat semakan gred;</p> <p>(iii) Pelajar menghantar borang tersebut beserta resit bayaran kepada Pejabat TD/TP PTJ untuk tindakan selanjutnya; dan</p> <p>(iv) Pelajar menyemak keputusan permohonan melalui emel dan Portal Pelajar.</p>
<b>12.2</b>	<p><b>Penggantian Markah dan Gred</b></p> <p>(i) Pelajar mendaftar kursus yang diulang dalam i-GIMS dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p>(a) Markah dan gred hanya boleh digantikan bagi kursus (termasuk projek dan kajian kes) yang memperoleh gred F. Markah dan gred baharu akan menggantikan gred F tersebut dalam pengiraan PNGK pelajar. Walau bagaimanapun, gred F asal hendaklah kekal</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 46/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>direkodkan dalam transkrip akademik bagi semester berkenaan. Pelajar hanya dibenarkan mengulang kursus berkenaan sekali sahaja.</p> <p>(b) Pelajar dibenarkan mengulang mana-mana kursus sekali sahaja, tetapi gred baharu tidak akan menggantikan gred asal dalam pengiraan PNGK. Gred asal hendaklah dikekalkan dalam transkrip akademik.</p> <p>(ii) Pelajar menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan; dan</p> <p>(iii) Membuat semakan keputusan mengikut kalendar akademik semasa.</p>
<b>12.3</b>	<p><b>Mengulang Semester Akhir</b></p> <p>(i) Pelajar mendaftar semula kursus yang gagal pada semester berikutnya;</p> <p>(ii) Pelajar menghadiri kuliah/menyelesaikan tugas yang telah didaftarkan;</p> <p>(iii) Pelajar menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang telah didaftarkan; dan</p> <p>(iv) Pelajar menerima keputusan peperiksaan sehari selepas perakuan Senat.</p>
<b>12.4</b>	<p><b>Semakan ke Atas Pemberhentian</b></p> <p>(i) Pelajar menerima notis pemakluman pemberhentian [mendapat status 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>)] daripada PYB UA, SPS melalui emel disebabkan salah satu perkara berikut;</p> <p>(a) Mendapat PNGK kurang daripada 2.500 dalam mana-mana semester.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 47/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
		No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(b) Menerima gred "TM" sebanyak dua kali bagi kursus SPS5999/SPS6999 dan SPS5903/SPS6903 sepanjang tempoh pengajian.</p> <p>(c) Gagal memperoleh PNGK minimum 3.000 pada semester berikutnya selepas diberi status 'Percubaan' (<i>Probation</i>).</p> <p>(d) Gagal dalam CE selepas cubaan kedua, kecuali diperakukan untuk pembalikan ke program Master.</p> <p>(e) Gagal menduduki CE dalam tempoh empat semester (sepenuh masa) atau enam semester (separuh masa).</p> <p>(f) Gagal dua kali dalam mana-mana kursus wajib atau elektif.</p> <p>(g) Gagal tiga kali dalam kursus PIE 2.</p> <p>(h) Gagal tiga kali dalam mana-mana kursus prasyarat bagi pelajar yang mendaftar tanpa kelayakan berkaitan atau pengalaman kerja dalam bidang berkaitan.</p> <p>(i) Melebihi tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan.</p> <p>(j) Gagal dalam peperiksaan tesis.</p> <p>(k) Tidak menghantar tesis dalam tempoh masa yang ditetapkan selepas peperiksaan tesis.</p> <p>(ii) Pelajar membuat permohonan secara dalam talian dengan melengkapkan Borang <i>Review Against Termination</i> (PG/ACA/GS-13b) dalam Portal Pelajar dengan mengambil perhatian perkara berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">(a) Permohonan semakan ke atas pemberhentian perlu dilakukan dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar.</p>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 48/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<p>(b) Permohonan semakan ke atas pemberhentian bagi kes melebihi tempoh penghantaran pembetulan tesis selepas peperiksaan, perlu dilakukan dalam tempoh sebulan selepas status pengajian pelajar bertukar kepada 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>)].</p> <p>(c) Pelajar perlu menjelaskan bayaran RM100.00 dan mendapatkan surat sokongan daripada PTJ.</p> <p>(d) Bagi kes pelajar yang telah berstatus 'Gagal dan Diberhentikan' (<i>Terminated GB</i>) disebabkan pelajar telah berada pada tempoh maksimum pelanjutan pengajian, PYB UA akan menghantar emel kepada pelajar untuk melengkapkan Borang <i>Application for Review Against Termination-Terminated (Exceeded Duration)</i> (PG/ACA/GS-52) secara manual melalui portal pelajar yang disokong oleh penyelia dan disahkan oleh TD/TP PTJ dan dihantar bersama satu salinan draf tesis yang sedang disiapkan kepada SPS berserta bayaran yuran proses berjumlah RM100.00. Kes pelajar akan dibawa ke JKSS bagi pertimbangan dan kelulusan.;</p> <p>(iii) Pelajar menghantar surat sokongan dan resit pembayaran kepada PYB UA, SPS atau melalui emel sgs.academic@upm.edu.my;</p> <p>(iv) Pelajar menerima keputusan Mesyuarat JKSS daripada PYB UA SPS melalui emel Keputusan akan dimaklumkan melalui emel pelajar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas mendapat perakuan Senat; dan</p> <p>(v) Pelajar mengambil tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pemakluman oleh PYB UA berdasarkan keputusan JKSS.</p>
<b>13.</b>	<b>Pengurusan Peperiksaan Akhir (<i>Viva Voce</i>)</b>
<b>13.1</b>	<b>Penghantaran Borang Notis Penyerahan Tesis</b>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 49/61
		No. Semakan: 02
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Isu: 01
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar berbincang dengan JKP untuk menghantar Notis Penyerahan Tesis (PG/TSS/GS-14a);</li> <li>(ii) Pelajar mengemukakan permohonan kepada SPS untuk mengakses Borang PG/TSS/GS-14a selepas semakan keperluan kredit oleh Pejabat TD/TP PTJ;</li> <li>(iii) Pelajar memuat naik jadual kandungan dan abstrak tesis yang telah dipersetujui oleh JKP; dan</li> <li>(iv) Pelajar memuat turun Borang PG/TSS/GS-14a di Portal Pelajar dan mendapatkan pengesahan daripada ahli JKP untuk dihantar ke Pejabat TD/TP PTJ dan memastikan keperluan berikut telah dipenuhi: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Status pengajian pelajar adalah 'Baik' (<i>Continue</i>).</li> <li>(b) JKP telah dilantik.</li> <li>(c) Lulus kursus Kaedah Penyelidikan.</li> <li>(d) Lulus SPS5903/SPS6903.</li> <li>(e) Telah memenuhi keperluan kursus tambahan yang ditetapkan oleh PTJ.</li> <li>(f) Lulus CE untuk program PhD.</li> <li>(g) Lulus kursus LPM2100 atau kursus yang setara (untuk pelajar antarabangsa kecuali Brunei dan Indonesia).</li> <li>(h) Menyelesaikan semua yuran yang tertunggak.</li> </ul> </li> </ul>
<b>13.2</b>	<b>Penyerahan Tesis untuk Peperiksaan (<i>Viva Voce</i>)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pelajar memastikan status pengajian adalah 'Baik' (<i>Continue</i>);</li> </ul>

	<b>PERKHIDMATAN UTAMA SISWAZAH</b>	Halaman: 50/61
	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>	No. Semakan: 02
	<b>Kod Dokumen: PU/S/GP004/PELAJAR</b>	No. Isu: 01
	<b>GARIS PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (SISWAZAH) UNTUK PELAJAR</b>	Tarikh: 30/06/2026


Bil	Tindakan
